



**TEKS UCAPAN ALUAN  
YB DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN  
DASAR TENAGA NEGARA, 2022 – 2040 (DTN)**

**19 September 2022 | 2.30 petang  
Hotel Marriot Putrajaya**

YAB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob,  
Perdana Menteri Malaysia;

YB Dato' Sri Dr Adham Baba,  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi;

YB Datuk Seri Takiyuddin Bin Hassan,  
Menteri Tenaga dan Sumber Asli;

YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Bin Tuan Man,  
Menteri Alam Sekitar dan Air;

YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad,  
Menteri Pengajian Tinggi;

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Bin Ali,  
Ketua Setiausaha Negara;

YBhg. Dato' Sri Mohd Shafiq Bin Abdullah,  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam; dan

YB Dato' Eddin Syazlee Bin Shith,  
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi);

YBhg. Datuk Seri Saiful Anuar bin Lebai Hussen,  
Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana  
Menteri

Dif-Dif Kehormat serta Hadirin Sekalian.

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

1. Syukur Alhamdulillah, dengan izin dan keredhaan-Nya, dapat kita berhimpun pada petang ini bagi melancarkan dasar yang penting bagi negara kita.
2. Majlis petang ini juga sangat bermakna kerana kehadiran YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri kita yang akan menyempurnakan **Majlis Pelancaran Dasar Tenaga Negara, 2022 – 2040**, mercu tanda baharu dalam naratif pembangunan ekonomi negara.

**Hadirin yang saya hormati,**

3. Sebagai makluman semua, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) merupakan agensi penyelaras yang bertanggungjawab terhadap penggubalan dan pemantauan pelaksanaan keseluruhan Dasar Tenaga Negara (DTN). Ia turut mencakupi tenaga berasaskan hidrokarbon dan sumber tenaga boleh baharu. Pada masa yang sama, kementerian-kementerian lain yang turut bertanggungjawab dalam hal ehwal tenaga, adalah: -

- a) Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA);
  - b) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI);
  - c) Kementerian Pengangkutan;
  - d) Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA);
  - e) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI); dan
  - f) Kementerian Perladangan dan Komoditi (MPIC).
4. Ini semua adalah selaras dengan peranan Bahagian Tenaga di EPU sebagai penggubal dasar utama berkaitan tenaga negara. Sebelum ini, dasar tenaga negara biasanya hanya terkandung dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun. Sebelum ini tiada satu dokumen yang khusus untuk dasar tenaga.

**Para hadirin sekalian,**

- 5. Kajian Dasar Tenaga Negara (DTN) telah bermula pada Februari 2020, iaitu sebelum pandemik COVID-19 dan PKP diumumkan di Malaysia.
- 6. Penggubalan DTN telah melibatkan lebih daripada 100 siri sesi libat urus bersama pihak berkepentingan termasuklah kementerian, agensi kerajaan, kerajaan negeri, persatuan

industri dan syarikat swasta. Ia turut melibatkan beberapa sesi libat urus di peringkat Menteri yang terlibat secara langsung dengan sektor tenaga sebelum ia dibentangkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri.

7. DTN juga merupakan satu daripada sasaran keberhasilan utama bagi sektor tenaga di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021-2025.
8. DTN telah dijajarkan selaras dengan komitmen negara terhadap Matlamat 7 (SDG7) Agenda Pembangunan Mampan, iaitu Memastikan Akses kepada Tenaga yang Mampu Dimiliki, Mampan dan Moden untuk Semua dalam menghadapi cabaran trilema tenaga iaitu jaminan bekalan, mampu bayar dan kelestarian alam sekitar. Selain itu, DTN akan dapat membantu menggalakkan ekonomi kitaran, ekonomi hijau dan pengurangan pelepasan karbon.
9. Bagi memastikan DTN terus relevan sebagai panduan hala tuju sektor tenaga kepada sektor awam dan pelabur serta pemain industri tenaga, Kerajaan akan terus menyemak dan mengemaskini DTN dari masa ke masa, iaitu tiga tahun sekali.

**Para hadirin sekalian,**

10. DTN digubal sejajar dengan usaha mengoptimumkan peluang ekonomi yang selari dengan trend mega peralihan tenaga yang berkembang pesat. DTN juga adalah seiring dan senada dengan pengurusan sektor tenaga negara yang sentiasa mengambil kira keseimbangan trilema tenaga.
11. Keseimbangan dalam trilema tenaga adalah penting kerana Malaysia ialah negara membangun yang terhimpit di tengah-tengah suasana politik dan ekonomi antarabangsa yang bergolak. Oleh itu, kita harus meletakkan "*sense of purpose*" dan "*sense of urgency*" sebagai penentu atau pertimbangan dalam tindakan, tidak kira sama ada dalam perkara dasar, perancangan ataupun pelaksanaan.
12. Antara lain, DTN digubal bagi:
  - a) Memperkemas dan mengharmoni pelbagai dasar sedia ada berkaitan tenaga;
  - b) Memastikan tindak balas sektor tenaga yang terselaras dan selari dengan aspirasi dan agenda nasional;

- c) Mewujudkan visi jangka panjang dan pelan tindak balas yang terselaras merentasi pelbagai pihak berkepentingan; dan
  - d) Menyediakan hala tuju sektor tenaga yang terkini dan berpandangan jauh (*forward-looking*).
13. Kerajaan terus komited bagi memastikan rakyat tidak terbeban dan kesejahteraan Keluarga Malaysia akan terus dipelihara.
14. Langkah meneruskan pemberian subsidi tenaga seperti LPG dan petrol oleh Kerajaan, membolehkan rakyat tidak terbeban dengan kenaikan harga tenaga di pasaran, khususnya kesan konflik Rusia-Ukraine.

**Para hadirin sekalian,**

15. Akhir kata, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kesudian beliau untuk hadir dan merasmikan pelancaran Dasar Tenaga Negara, 2022-2040.

16. Penghargaan juga kepada kerajaan-kerajaan negeri, kementerian, agensi, sektor swasta, ahli-ahli akademik, kumpulan pemikir dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan DTN dari peringkat kajian sehinggalah pelancaran DTN pada hari ini.
17. Kepada seluruh warga EPU, khususnya Bahagian Tenaga, terima kasih di atas kerjasama dan komitmen padu yang ditunjukkan dalam menyempurnakan penyediaan DTN. Saya berharap kerjasama berpasukan ini akan diteruskan demi memastikan kejayaan pencapaian sasaran DTN.
18. Saya berdoa agar dengan pelaksanaan DTN ini akan membantu melonjakkan ekonomi negara dan kualiti hidup Keluarga Malaysia secara berterusan. Sekian.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.